


SOP PELAJAR IJAZAH DASAR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIK UNTUK LANGKAH PENCEGAHAN DAN KAWALAN COVID 19 DI FAKULTI KEJURUTERAAN


1. Pelajar yang benar-benar sihat, **tidak mempunyai sebarang simptom** dan **tidak mempunyai kontak rapat** sahaja dibenarkan masuk.
2. Pelajar **WAJIB** melakukan **saringan suhu** (mestilah $< 37.5^{\circ}\text{C}$) dan **mengisi Borang Pengisytiharan Kesihatan (*Health Declaration Form*)** melalui aplikasi UM TOUCH pada setiap hari di pintu masuk kemana-mana lokasi (*Point of Entry POE*) . Bagi pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanik ***Point of Entry (POE)* adalah di Ruang Legar, Aras Bawah, Blok J.**
3. Pelajar **WAJIB** mengimbas **Kod QR** yang disediakan di pintu masuk kemana-mana lokasi (*Point of Entry POE*) menggunakan aplikasi UM Touch @ MySejahtera.
4. Pelajar **WAJIB** mengambil dan memaparkan **pelekat saringan harian (*sticker*)** yang diperolehi di pintu masuk kemana-mana lokasi (*Point of Entry POE*).
5. Pelajar haruslah **sentiasa memakai pelitup muka (*face mask*)** sepanjang berada di fakulti.
6. Pelajar haruslah sentiasa **mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter** dan mengelakkan daripada berkumpul.
7. Pelajar dinasihatkan **supaya menghadkan pertemuan secara bersemuka** dengan sesiapa sahaja (*Face to Face*).
8. Pelajar haruslah **mengamalkan mencuci tangan** dengan air dan sabun atau menggunakan hand sanitizer sebelum dan selepas melakukan sesuatu aktiviti.
9. Pelajar hanya boleh **menghadiri ke kelas / makmal pada waktu yang dijadualkan sahaja**. Pelajar yang tidak dijadualkan tidak dibenarkan memasuki makmal/ kelas.
10. Setiap pelajar JKM **DIWAJIBKAN** mendaftar masuk setiap kali memasuki kelas/makmal/bangunan/kemudahan dengan **mengimbas kod QR (*QR Code*) Buku Log Penggunaan Makmal** yang telah disediakan.
11. Pelajar JKM **TIDAK DIBENARKAN** memasuki ruang/makmal/bilik **melebihi kapasiti** yang telah ditetapkan berdasarkan maklumat yang telah ditampalkan di setiap lokasi.
12. Kakitangan makmal dikehendaki memastikan pelajar **mempunyai pelekat saringan harian (*sticker*), Surat Pelepasan Pengasingan** atau **Borang Keberadaan Pelajar Di Kolej** sebelum membenarkan pelajar memasuki makmal.
13. Selepas semua aktiviti / urusan selesai, pelajar dikehendaki dengan **segera untuk pulang** ke kolej kediaman / rumah masing-masing. Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** untuk berlegar-legar di kawasan FKUM tanpa tujuan.
14. Sekiranya jurang masa yang singkat di antara aktiviti kelas/makmal, pelajar dibenarkan menunggu di **Bilik Menunggu (*Holding room*)** yang disediakan bagi pelajar JKM adalah di:
 - a) **Sudut Infineon (Infineon Corner), Aras 2, Blok L dan**
 - b) **Dewan Kuliah 6 (DK6), Aras 3, Blok L**
15. Pelajar JKM **dilarang memasuki Blok L** kecuali untuk tujuan ke Bilik Menunggu seperti di atas dengan hanya melalui laluan tangga kecemasan (A) **SAHAJA**.
16. Setiap pelajar JKM harus **membekalkan maklumat** yang diminta oleh penyelaras projek (**IDP, FYP dan Makmal Pengajaran**) dari semasa ke semasa.

CARTA ALIR SOP KEMASUKAN PELAJAR KE JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIK NORMA BAHARU COVID 19



LOKASI PINTU MASUK KE MANA- MANA LOKASI (*POINT OF ENTRY POE*) BAGI PELAJAR IJAZAH DASAR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIK FAKULTI KEJURUTERAAN

1. Pintu masuk ke mana-mana lokasi (*Point Of Entry POE*) bagi pelajar JKM adalah di:
Ruang Legar , Aras Bawah, Blok J. (sila rujuk Peta 1 di bawah)




Peta 1 : Lokasi Pintu Masuk ke Mana-Mana Lokasi (*Point of Entrance POE*) Fakulti Kejuruteraan

LOKASI BILIK MENUNGGU (*HOLDING ROOM*) BAGI PELAJAR IJAZAH DASAR JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIK, FAKULTI KEJURUTERAAN

Bilik Menunggu (*Holding Room*) bagi Pelajar Ijazah Dasar Jabatan Kejuruteraan adalah di:

- a) Sudut Infineon (Infineon Corner), Aras 2 Blok L dan
- b) Dewan Kuliah 6 (DK6), Aras 3, Blok L (sila rujuk Peta 2 di bawah)



Peta 2 : Lokasi Bilik Menunggu Pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanik